

SOALAN NO.: 277

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
KAWASAN : BATU GAJAH

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerajaan akan memasang tiang lampu jalan yang baru di Jalan Besar Bandar Seri Pengkalan, Batu Gajah. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kemalangan di jalan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian ini laluan Jalan Besar Bandar Seri Pengkalan di Batu Gajah adalah berstatus Jalan Negeri di mana ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri termasuk pemasangan tiang lampu jalan.

Sekian, terima kasih.